



27 OCT, 2021

Kilang vaksin 100peratus halal pertama

Sinar Harian, Malaysia




MALAYSIA HASILKAN VAKSIN HALAL PERTAMA DI DUNIA

MALAYSIAN Vaccine and Pharmaceutical (MVP) bakal menjadi kilang pertama di dunia menghasilkan vaksin halal untuk manusia menjelang tahun 2024, lebih awal daripada jangkaan kerajaan.

Pengarah Eksekutif MVP, Rashidah

Ibrahim berkata, MVP menjangkakan mampu mengeluarkan sebanyak 10 juta dos vaksin dalam tempoh tiga tahun lagi.

MVP bermula dengan mencipta enam jenis vaksin haiwan pada 1994 dan sehingga kini sudah menghasilkan sebanyak 16 jenis vaksin.



11



27 OCT, 2021

Kilang vaksin 100peratus halal pertama

Sinar Harian, Malaysia



Kilang vaksin 100% halal pertama

MVP dijangka mampu menghasilkan sebanyak 10 juta dos menjelang tahun 2024

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

PUCHONG

Malaysian Vaccine and Pharmaceutical (MVP) bakal menjadi kilang pertama menghasilkan vaksin manusia yang halal di dunia menjelang tahun 2024.

Pengarah Eksekutif MVP, Rashidah Ibrahim berkata, tempoh jangkaan tersebut lebih awal daripada jangkaan kerajaan.

Menurutnya, MVP menjangkakan mampu menghasilkan sebanyak 10 juta dos menjelang

tiga tahun.

“Kita mempunyai bangunan dua lot kilang. Dengan teknologi sama, dalam tempoh kurang dari tiga tahun kita mampu membekalkan vaksin manusia.

“Kami tiada masalah kerana pekerja di sini mempunyai kepakaran teknikal yang sangat tinggi,” katanya pada Majlis Pertukaran Dokumen MVP dan St Petersburg Scientific Research Institutes For Vaccine di sini pada Selasa.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr Adham Baba; Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Zainal Abidin Abu Hasan; Ahli Lembaga Pengarah MVP dan bekas Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Pertahanan, Leftenan Jeneral Datuk Panglima Dr Amin Muslan.

Dalam pada itu, Rashidah berkata, St Petersburg melabur sebanyak AS\$50 juta (RM204 juta) bagi menampung fasiliti



Rashidah (dua dari kiri) menunjukkan proses pembuatan vaksin di Malaysian Vaccine and Pharmaceutical Sdn Bhd, Puchong pada Selasa.

dan mesin menghasilkan vaksin.

Menurutnya, vaksin yang dihasilkan akan dikembangkan bukan sahaja untuk kegunaan tempatan tetapi di luar negara dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Kita MVP akan kembangkan secara global, jadi kita tidak akan bergantung dengan ke-

keraguan.

“Jika semuanya berjalan lancar, insya-ALLAH Malaysia akan mempunyai kilang vaksin pertama di negara,” jelasnya.

Ujar Rashidah, MVP bermula dengan mencipta enam jenis vaksin untuk haiwan pada tahun 1994 dan kini sudah menghasilkan sebanyak 16 jenis vaksin.

Sementara itu, Dr Adham berkata, fokus kerajaan pada masa ini adalah menitikberatkan bidang inovasi sains, penyelidikan dan teknologi di samping membantu serta membangunkan usahawan bidang tersebut.

Katanya, lawatan kali ini bagi meninjau bagaimana MOSTI boleh mengangkat MVP untuk maju lebih-lebih lagi menceburi pembuatan vaksin manusia.

“Saya kagum dengan MVP kerana walaupun berstatus SME (perusahaan kecil dan sederhana), ia membawa nama Malaysia melalui jenama MYVAC, mampu tarik minat 100 peratus pekerja tempatan,” katanya.



27 OCT, 2021

Kilang vaksin 100peratus halal pertama

Sinar Harian, Malaysia



SUMMARIES

MALAYSIA HASILKAN VAKSIN HALAL PERTAMA DI DUNIA

MALAYSIAN Vaccine and Pharmaceutical (MVP) bakal menjadi kilang pertama di dunia menghasilkan vaksin halal untuk manusia menjelang tahun 2024, lebih awal daripada jangkaan kerajaan. Pengarah Eksekutif MVP, Rashidah Ibrahim berkata, MVP menjangkakan mampu mengeluarkan sebanyak 10 juta dos vaksin dalam tempoh tiga tahun lagi.MVP bermula dengan mencipta enam jenis vaksin haiwan pada 1994 dan sehingga kini sudah menghasilkan sebanyak 16 jenis vaksin.